

**SOALAN NO: 289**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK]**

**TARIKH :**

**SOALAN : 289**

**YB Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakah jumlah pesakit mental dari tahun 2014-2016. Adakah jumlah pesakit mental meningkat dan apakah puncanya.**

**Tuan Yang Dipertua,**

Data yang dikumpulkan oleh Kementerian kesihatan menunjukkan bahawa pada tahun 2014 sejumlah 71,007 kes dan 2015 sejumlah 74,965 kes telah dirawat di Unit Pesakit Luar di Hospital Kerajaan. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 5.57%. Bilangan kes yang keluar dari hospital pada tahun 2014 sejumlah 20,062 kes manakala 2015 sejumlah 21,371 kes. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 6.52%.

Jumlah pesakit mental yang mendapat rawatan susulan di klinik kesihatan bagi tahun 2014 sejumlah 28,720, 2015 sejumlah 25,186 dan bagi tahun 2016 sejumlah 21,137. Terdapat penurunan jumlah kes bagi setiap tahun.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua dan ahli-ahli yang terhormat, punca sebenar penyakit mental tidak diketahui. Faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada individu mendapat penyakit ini adalah penyakit organik, faktor genetic, gangguan bahan kimia dalam otak dan tragedi atau tekanan hidup yang tidak dapat ditangani. Ini juga termasuk faktor luaran seperti masalah keluarga, stres di tempat kerja, perhubungan, kewangan dan terdedah kepada keganasan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN KE-13 (2017)**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN**  
**SOALAN :**

**Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pengambilan pekerja untuk perkhidmatan awam setakat bulan ini bagi jawatan profesional gred 41 bagi semua sektor.

**JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Jun 2017, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah melantik seramai 7,264 orang ke dalam Perkhidmatan Awam. Daripada jumlah tersebut, seramai 883 orang (12.16%) merupakan pelantikan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan seramai 6,381 orang (87.84%) bagi Kumpulan Pelaksana.

Sekian, terima kasih.